

POLISI

PENTAULIAHAN PUSAT LATIHAN

BERTAULIAH (PLB) CIDB



Proses permohonan menjadi PLB CIDB hanya akan diproses sekiranya syarikat/organisasi yang memohon adalah memenuhi syarat-syarat berikut:

Pendaftaran Syarikat

Sebuah syarikat Sendirian Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.

Modal Berbayar

Memiliki modal berbayar tidak kurang dari RM50,000.

Pemilikan Premis

Memiliki premis yang sah dan mematuhi peraturan yang dikuatkuasa oleh pihak berkuasa dengan memiliki:

- Sijil Layak Menduduki (CF);
- Jabatan Kesihatan;
- Majlis Tempatan; dan/atau
- mana-mana peraturan yang berkaitan.

Kemudahan Fasiliti

Menyediakan kemudahan fasiliti program kemahiran yang mematuhi standard yang telah ditetapkan oleh pihak CIDB, pihak berkuasa berkaitan seperti Suruhanjaya Tenaga (ST), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP/DOSH) dan mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan.

Tenaga Pengajar

Melantik tenaga pengajar bertauliah yang memenuhi kriteria seperti berikut:

- mempunyai pengalaman industri sekurang-kurangnya 2 tahun;
- memiliki tahap sijil yang lebih tinggi dari bidang yang diajar;
- mempunyai kekompetenan sijil teknikal dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh CIDB;
- memiliki sijil kelayakkan mengajar;
- dilantik oleh pusat latihan; dan
- seorang personel yang layak melaksanakan program latihan kemahiran.